AKHBAR : NEWS STRAITS TIMES

HARI : SELASA

TARIKH : 5 OGOS 2014

Talk on breast cancer

5 AUGUST 2014 @ 8:09 AM

Tweet 3

KUALA LUMPUR: The Manipal Alumni Association of Malaysia (MAAM) is organising an event themed "Breast Cancer Is A Word, Not A Sentence" to educate the public on breast cancer on Thursday.

Breast Lumps — When Do I Worry?, Women Cancers, Is There Life After Breast Cancer? and The New Beautiful You After Breast Cancer Surgery are among the topics that will be covered in the two-hour programme to be held at the lower ground, North Circle, eCurve, Mutiara Damansara here.

Among the panel of speakers are Dr Patricia Gomez (Pantai Hospital consultant breast surgeon), Dr Jean Arokiasamy (NHS, United Kingdom) and Dr Rema Kunjappan (BraVida director).

At the event, Amnah Salleh, a breast cancer survivor and Breast Cancer Welfare Association volunteer will also share her experience in overcoming cancer with a talk titled *Is There Life After Breast Cancer? Yes!*

The breast cancer awareness programme is a community service project by MAAM which runs in conjunction with the 1st Global Manipal Alumni Health, Science and Technology Convention and 28th MAAM Convention taking place at the Royale Chulan on Thursday and Friday.

"We have over 7,000 alumni in Malaysia contributing significantly to the health of the nation," says MAAM president Dr Nirmal Singh.

"This is one of the ways we can contribute to the community."

"Breast cancer is the No 1 cancer killer of Malaysian women with the incidence of 1 in 20 Malaysian women getting breast cancer.

"Through these programmes, we can help educate the public on what they need to know.

"What we are trying to tell the people is there is hope and that early intervention can help save them if given the right information and right treatments."

Apart from the talks, MAAM will also be giving free BMI, blood sugar and cholesterol tests during the event.

For details, call Cheryl at 016-335 0036 or visit www.manipal.org.my

AKHBAR : BORNEO POST

HARI : SELASA

TARIKH : 12 OGOS 2014

Satu kes kanser mulut sehari di M'sia: Subramaniam

Oleh Hamimi Kassim //

MNCR turut mencatat satu atau dua daripada 100,000 penduduk negara ini menghidapi penyakit ini

TANDA SOKONGAN: S. Subramaniam bersama Dr Jerip, Chen, Zulkifli, Abdul Wahap, Khairiyah, Rosnah serta para peserta melakukan 'Walkhaton' sebagai tanda sokongan terhadap gaya hidup sihat semasa Kempen Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2014 di Tebingan Kuching, petang semalam.

KUCHING: Pendaftaran Kanser Kebangsaan Malaysia (MNCR) pada 2008 mencatat sekurang-kurangnya satu kes kanser mulut didiagnosis setiap hari di negara ini, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S. Subramaniam.

Bukan itu sahaja jelasnya, MNCR turut mencatat satu atau dua daripada 100,000 penduduk di negara ini menghidapi penyakit tersebut.

"Kanser mulut berada pada kedudukan ke-21 antara kanser paling banyak dihidapi penduduk negara ini, tetapi ia berada pada kedudukan keempat bagi kaum wanita India dan kelapan bagi lelaki India.

"90 peratus kes yang berlaku ini mempunyai hubung kait dengan tabiat berisiko seperti meminum minuman keras, merokok dan memakan sirih dengan tembakau.

"Sepuluh peratus kes lagi berlaku daripada punca yang tidak diketahui," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Kempen Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2014 dengan tema 'Sometimes A Big Mouth Is A Good Thing' di Tebingan Kuching, petang semalam.

Mengulas lanjut, S. Subramaniam memberitahu, 60 peratus daripada kanser mulut di Malaysia lambat dikenal pasti

iaitu sudah berada pada tahap ketiga dan keempat.

Manakala, kadar pesakit yang terselamat bagi tempoh lima tahun di Malaysia hanya 40 peratus.

"Kebanyakan kes yang kita terima daripada penghidap kanser ini adalah tidak mengambil berat terhadap kesan dan tanda awal yang berlaku pada mulut mereka.

"Oleh itu, saya menasihati sekiranya terdapat perubahan dalam mulut seperti luka kecil yang tidak sembuh atau ruam di dalam mulut sudah menjadi putih segeralah berjumpa doktor supaya kajian lanjutan dapat dilakukan.

"Jika dikesan secara awal maka lebih baik kerana keputusannya pasti lebih baik," jelasnya sambil menambah, 50 peratus daripada kes yang diterima setiap tahun membawa maut kerana dikesan terlalu lewat.

Kempen itu merupakan acara tahunan yang mula dianjurkan pada 2006 dan bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat umum mengenai peranan dan kepentingan menjaga kesihatan mulut dan mendedahkan masyarakat dengan maklumat berkaitan punca-punca berlaku kanser mulut, tanda-tanda awal, serta rawatan yang perlu diambil bagi mengubati penyakit kanser mulut.

Di samping itu ujarnya, penganjuran program ini akan memberi penekanan kepada kepentingan penjagaan kesihatan mulut dan penyebaran maklumat semasa mengenai penyakit kanser mulut.

Dalam perkembangan lain, Subramaniam ketika diminta mengulas mengenai perkembangan rundingan perjanjian perdagangan perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) memberitahu, Malaysia tetap dengan pendiriannya untuk mengecualikan tembakau daripada perjanjian berkenaan.

Turut hadir Menteri Muda Kesihatan Awam Datuk Jerip Susil, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) Dr Chen Chaw Min, Pengarah Kesihatan Negeri Datu Dr Zulkifli Jantan dan Datuk Bandar DBKU Datuk Abang Abdul Wahap Abang Julai.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Induk Kempen merangkap Pengarah Kanan Kesihatan KKM Dr Khairiyah Abdul Muttalib dan Pengarah Pusat Penyelidikan & Penyelarasan Kanser Mulut (OCRCC), Fakulti Pergigian, Universiti Malaya (UM) Profesor Dr Rosnah Zain.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

HARI : SELASA

TARIKH : 26 OGOS 2014

Fibroid tidak kenal usia

26 Ogos 2014 3:49 PM

Google +

Fibroid yang membesar dan menyebabkan ketidakselesaan pada pesakit perlu dibuang melalui pembedahan.

Ramai yang menyangka fibroid berisiko kepada golongan wanita berumur sekitar 30 tahun ke atas sahaja, namun sebenarnya ia boleh berlaku kepada setiap wanita yang sudah mencapai umur akil baligh.

Kebanyakan wanita tidak tahu bahawa mereka mempunyai fibroid kerana tidak mengalami gejala atau tanda-tanda penyakit tersebut. Hanya 20 hingga 30 peratus sahaja yang mungkin menunjukkan gejala yang dihadapi bergantung pada saiz, lokasi dan bilangan fibroid.

Pakar Perunding Obsetrik dan Ginekologi Hospital Pantai Kuala Lumpur, Dr. Adilah Ahmat berkata, wanita yang mempunyai fibroid yang merupakan penyakit yang berkaitan dengan rahim, tidak perlu bimbang tentang kehadirannya kecuali jika ia mendatangkan masalah kepada mereka.

"Fibroid ialah sel-sel otot rahim yang bergumpal dan bukan sejenis kanser. Hanya kurang satu peratus fibroid boleh bertukar menjadi kanser yang dipanggil Sarkoma.

"Lebih 50 peratus wanita mengalaminya, namun daripada mereka tidak tahu pun mereka mempunyai fibroid sehinggalah membuat pemeriksaan berkala dan doktor mengesahkan di dalam rahim mereka terdapat ketulan fibroid," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Begitupun, ia tidak berbahaya bergantung kepada kedudukan dan saiznya. Fibroid boleh berlaku sama ada dalam satu biji yang besar atau beberapa biji yang kecil tetapi dalam bilangan yang banyak.

Beliau menambah, tiada sebab-sebab dan punca-punca tertentu mengapa wanita mempunyai ketulan fibroid di dalam rahim mereka kerana ia sendiri terdiri daripada otot rahim.

Lazimnya, fibroid membesar secara perlahan-lahan dan tanpa simptom.

Lokasi fibroid di dalam rahim sama ada di luar, tengah, dan dalam akan memberi gejala berbeza kepada penghidapnya dan sering mempengaruhi gejala yang dialami oleh seseorang.

pundi kencing.

“Jika membonggol ke belakang pula, ia akan menekan saluran usus di belakang. Ia mungkin akan menyebabkan kesukaran membuang air besar dan sembelit.

"Apabila ini berlaku, sepatutnya mereka berjumpa doktor dengan segera untuk pemeriksaan dan rawatan selanjutnya," katanya.

Beliau menambah, wanita yang mengalami ketumbuhan fibroid masih boleh mengandung kecuali ia tumbuh di bahagian servik dan sekiranya fibroid itu terlalu besar, ia akan menyebabkan salur fallopio tersumbat sehingga seseorang itu sukar untuk hamil.

“Ibu yang mempunyai fibroid di dalam rahim biasanya dinasihatkan bersalin secara pembedahan kerana bayi akan bersaing untuk ruang dengan fibroid.

“Bagaimanapun pembedahan membuang fibroid tidak boleh dilakukan semasa proses bersalin. Ia akan menyebabkan risiko pendarahan," katanya.

Dr. Adilah menegaskan, sekiranya didapati ia tumbuh dalam saiz yang kecil pesakit tidak digalakkan untuk membuangnya melalui pembedahan kerana dikhuatiri pada masa akan datang akan wujud lagi ketulan-ketulan yang lain kerana benih yang ada menyebabkan risiko tumbuh memang ada.

“Jika ia tidak berbahaya, mengapa mahu melakukan pembedahan berulang kali, Sebenarnya pada fasa menopous, fibroid akan mengecut kerana wanita tidak lagi mengeluarkan hormon estrogen yang menggalakkan pembesaran ketulan fibroid.

“Pembedahan juga agak berisiko kerana akan mengakibatkan pendarahan yang banyak kerana rahim merupakan sumber bekalan darah yang utama," ujarnya.

Ujarnya, biasanya fibroid yang tidak mengganggu pesakit akan dibiarkan saja tetapi saiznya yang semakin membesar dan keras akan menyebabkan pesakit tidak selesa.

Fibroid perlu dirawat sekiranya ia mula menunjukkan tanda-tanda tersebut.

Beliau menambah, doktor akan mengesyorkan ia dibuang sekiranya saiz terlalu besar sehingga menyebabkan perut kembung seperti orang mengandung yang menimbulkan ketidakselesaan.

Pengeluaran darah haid yang begitu banyak sehingga pesakit perlu dimasukkan bekalan darah baharu kerana kekurangan darah, juga digalakkan untuk membuang fibroid.

Katanya, fibroid yang terlalu terbonggol ke dalam sehingga terkeluar ke pintu rahim yang boleh menyebabkan jangkitan kuman, juga perlu dibuang.

Katanya, wanita perlu mengurangkan pengambilan produk berasaskan estrogen seperti susu, kacang soya, ubi keladi dan produk kecantikan yang menggunakan estrogen sebagai bahan utama selain amalan gaya hidup yang sihat.

- NURSYAMIMI SAIDI